

06 NOV 2000

Mahathir-Teknologi

MAHATHIR: TOLAK TEKNOLOGI BARU KURANGKAN DAYA SAING EKONOMI

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Menolak atau menanggung penggunaan teknologi-teknologi baru akan mengurangkan daya saing ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata memandangkan e-dagang dan e-ekonomi memerlukan komunikasi yang pantas, negara tidak berupaya untuk menanggung atau menolak sebarang teknologi baru.

Di samping itu, terdapat juga masalah pemusatan, kata beliau pada pembukaan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel yang ke-40 di sini.

Dr Mahathir berkata tidak lagi begitu praktikal untuk mengasingkan komunikasi daripada penyiaran, apa lagi antara telefoni, faksimili dan transmisi Internet.

"Oleh yang demikian, lesen-lesen yang berasingan tidak lagi boleh diberikan kepada perkhidmatan yang berasingan. Satu lesen merangkumi semua.

"Jelas sekali, teknologi-teknologi baru tidak boleh diberi lesen berasingan daripada teknologi-teknologi lama. Jawapan pasti ialah satu lesen untuk semuanya (perkhidmatan)," kata beliau.

Katanya, parti pembangkang boleh meminta bantuan luar jika tiada proses langsung bagi mereka.

"Tapi di sini banyak mahkamah dan pilihan raya. Dan mereka boleh uji sama ada kerajaan mendapat sokongan daripada rakyat atau sebaliknya. Jika kerajaan tidak popular, kerajaan akan ditewaskan dan mereka akan jadi kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia bukanlah sebuah negara yang ahli politik pembangkang tidak boleh menang, sambil merujuk kepada dua negeri (Kelantan dan Terengganu) yang dikuasai pembangkang.

"Namun begitu kita masih bersedia pergi kepada rakyat dan bertanya kepada mereka sama ada mereka masih mahukan kita atau tidak.... jika tidak mahu mereka boleh jatuhkan kita," kata beliau.

Beliau berkata sesetengah media asing masih memberi gambaran negatif mengenai negara ini, antaranya Asian Wall Street Journal yang mengeluarkan rating bahawa Malaysia adalah negara paling tidak bebas di dunia.

Perkembangan teknologi yang mendadak, kata beliau, kadang-kadang menimbulkan masalah kepada kerajaan dan ahli-ahli politik kerana mereka akan menghadapi dilema.

Kalau menolak penggunaan teknologi baru, ia akan menjejaskan daya saing ekonomi negara dan kalau menerimanya pula boleh menyebabkan banyak kerugian kepada syarikat-syarikat besar yang telah lama wujud, katanya.

Dr Mahathir berkata ini ialah kerana teknologi bergerak lebih pantas berbanding aplikasi dan memungkinkan kerugian berbilion dolar dalam bentuk pelaburan.

Bagaimanapun, Malaysia berhasrat untuk mengguna pakai sepenuhnya teknologi untuk pertumbuhan dan perkembangan negara termasuk untuk menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC), kata beliau.

Dr Mahathir berkata pada hari ini lebih tiga perlima daripada syarikat-syarikat termasuk syarikat bertaraf dunia beroperasi di MSC walaupun Malaysia mempunyai tempoh tiga tahun lagi untuk memenuhi sasarannya yang sebenar.

Pelaburan dari syarikat-syarikat tempatan dan asing meningkat dengan banyaknya dari RM196 juta dalam tahun 1997 kepada RM1.7 bilion dalam tempoh 1997-1999.

Jumlah pelaburan di MSC dijangka mencecah RM20 bilion menjelang tahun

2005, sekali gus mewujudkan 35,000 peluang pekerjaan berbanding dengan hanya 5,500 pekerjaan baru antara tahun 1997 dan 1999.

Menyentuh mengenai isu jurang (pengetahuan) digital, Dr Mahathir berkata teknologi tidak sepatutnya hanya diberi keutamaan kepada kawasan-kawasan bandar dan negara-negara kaya sahaja.

Beliau berkata penggunaan teknologi maklumat mesti didemokrasikan supaya setiap orang, sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, kaya atau miskin dapat berkongsi pengetahuan (teknologi maklumat) ini.

Dr Mahathir berkata Pertubuhan Telekomunikasi Komanwel (CTO) boleh memainkan peranan berkesan dalam mengecilkan jurang (pengetahuan) digital dengan menyediakan dana, sumber dan komputer dan latihan internet kepada negara-negara yang kurang maju sebelum negara-negara ini tertinggal jauh kebelakang dari segi teknologi dan kekayaan.

Beliau berkata untuk tempoh beberapa tahun ini, Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) dengan lantangnyanya memberi sokongan kepada forum Rangkaian Komanwel untuk Pembangunan IT (COMNET-IT).

Bagaimanapun, di sebalik sumbangan atau sokongan di peringkat tertinggi ini, agak hampa kerana tidak terdapat sebarang program atau sumber yang jelas di dalam fungsi kerjasama dan program Sekretariat Komanwel, kata beliau.

Walaupun mesyuarat majlis mungkin bukan forum sebenarnya menangani masalah ini, beliau berkata CTO boleh dijadikan landasan bagi mengambil tindakan atas semangat menjadikan Komanwel benar-benar sebuah pertubuhan untuk negara-negara di mana kekayaan dibahagi sama rata.

Era maklumat, katanya, menyediakan peluang untuk semua negara memulakan secara bersama di mana negara-negara besar dan kecil mempunyai pasaran-pasaran yang berpotensi untuk telekomunikasi.

Beliau bagaimanapun berkata, adalah benar negara-negara yang kaya dan berteknologi canggih mempunyai kedudukan yang lebih baik di dalam penerokaan teknologi seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat antarabangsa utama kini berlumba-lumba mendapatkan saham-saham di dalam industri telekomunikasi di semua negara di dunia.

"Saya begitu berharap yang syarikat-syarikat besar ini tidak cuba untuk menguasai segala-galanya. Jika mereka diperlukan untuk membantu industri di negara-negara miskin, mereka mestilah memperuntukkan bahagian keuntungan yang besar untuk rakan-rakan niaga mereka," kata beliau.

-- BERNAMA

SHO KTC AA MA AKD